



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

## **KENYATAAN MEDIA**

**BIL.32/ 2017**

### **KEPUTUSAN MAHKAMAH BUKTI PERSEMPADANAN SEMULA TELUS**

PUTRAJAYA - Berikutan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hari ini yang menolak semakan kehakiman oleh Kerajaan Negeri Selangor berhubung urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan raya bagi Negeri Selangor, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berpandangan keputusan yang dibuat oleh mahkamah adalah tepat. Keputusan ini membuktikan bahawa SPR telah menjalankan proses urusan persempadanan semula bagi kesemua Negeri-Negeri Tanah Melayu dengan telus selaras dengan kehendak perundangan.

Keputusan ini juga secara tidak langsung menafikan tuduhan pihak berkenaan terhadap SPR yang didakwa melaksanakan proses ini atas dasar kepentingan pihak-pihak tertentu. Namun begitu, mahkamah telah membenarkan permohonan kerajaan Negeri Selangor untuk menggantung proses inkuiiri tempatan bagi kawasan Parlimen dan DUN Selangor, sehingga rayuannya diputuskan.

Sehubungan dengan itu, SPR akur dengan keputusan tersebut dan akan mematuhinya sehinggalah proses perundangan berkaitan kes ini selesai sepenuhnya atau keputusan sebaliknya diputuskan,

sekiranya terdapat sebarang rayuan difaikkan oleh pihak -pihak terlibat.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH**

Pengerusi  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh: 7 Disember 2017